

# Nuzul Al-Quran

## Apakah maksud Nuzul al-Quran?

Nuzul al-Quran bermaksud penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW sebagai Nabi Allah yang terakhir dengan cara-cara tertentu.

## Bilakah berlaku Nuzul al-Quran?

Terdapat pendapat Ibnu Ishak dalam kitab al-Bidayah wa an-Nihayah yang menyatakan bahawa Nuzul al-Quran berlaku pada tanggal 17 Ramadan berdasarkan firman Allah SWT:

إِن كُنْتُمْ آمَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّقِيءِ الْجَمْعَانِ ۗ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: "Jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Surah Al-Anfal: 41)

Selain itu Ibnu Hajar al-Asqalani berpendapat bahawa Nuzul al-Quran berlaku pada tanggal 24 Ramadan berdasarkan Hadis daripada Wasilah al-Asqad:

أَنْزَلَتْ صَفْحَاتِ إِبْرَاهِيمَ فِي أَوْلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ وَأَنْزَلَتْ التَّوْرَةَ لِسَبِّ مَضِينَ مِنْ رَمَضَانَ وَالْإِنْجِيلَ ثَلَاثَ عَشْرَةَ خَلْتِ مِنْ رَمَضَانَ وَأَنْزَلِ الْقُرْآنَ لِأَرْبَعِ وَعَشْرِينَ خَلْتِ مِنْ رَمَضَانَ

Maksudnya: "Suhuf Ibrahim diturunkan pada malam pertama Ramadan, Taurat diturunkan pada enam Ramadan, Injil diturunkan pada tiga belas Ramadhan, dan Allah menurunkan al-Quran pada dua puluh empat Ramadan." (Riwayat Ahmad & Baihaqi)

Berdasarkan huraian di atas para ulama bersepakat bahawa Nuzul al-Quran berlaku pada malam Ramadan. Justeru secara tradisi umat Islam menyambut peristiwa Nuzul al-Quran pada 17 Ramadan setiap tahun di Malaysia.

## Bagaimanakah Proses Nuzul al-Quran?

Proses Nuzul al-Quran terbahagi kepada 3 tahap iaitu:

**1 Lauh Mahfudz**  
Tahap pertama al-Quran diturunkan sekaligus di Lauh Mahfudz berdasarkan firman Allah SWT:

هُوَ بِرُؤْيَانٍ مَجِيدٍ ۚ فِي لَوْحٍ مَحْظُوظٍ

Maksudnya: "Sedang Allah, dari belakang mereka, melingkungi mereka (dengan keesaanNya)!" (Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir, bahkan ialah Al-Quran yang tertinggi kemuliaannya)." (Surah al-Buruuj: 21-22)

Lauh Mahfudz dikenali sebagai Kitab Maknun yang bererti kitab yang dipelihara. Ini bermaksud al-Quran dipelihara daripada kebatilan. Begitu juga terpelihara daripada perubahan dan pergantian serta terpelihara daripada sayahian yang mencuri pendengaran secara sembunyi-sembunyi. Secara umum Lauh Mahfudz merupakan sebagai sebuah tempat yang menyimpan segala sesuatu yang berkaitan dengan qada dan qadar Allah SWT. Al-Quran di Lauh Mahfudz adalah dalam bentuk hafalan malaikat yang berupa lafaz bahasa arab.

## 2 Langit dunia

Pada tahap ini al-Quran diturunkan sekaligus dari Lauh Mahfudz ke Baitul Izzah di tingkat langit yang paling bawah atau langit dunia berdasarkan firman Allah SWT:

شَهْرَ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ ۗ

Maksudnya: "[Beberapa hari yang ditentukan itu ialah] bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran." (Surah al-Baqarah: 185)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبْرَكَةٍ ۗ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab)." (Surah ad-Dukhan: 3)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۗ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar." (Surah al-Qadr: 1)

## 3 Beransur-ansur

Pada tahap ini al-Quran diturunkan secara langsung kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril yang disebutkan dengan nama ruhu' amin. Al-Quran diturunkan secara

bertahap di sekitar 23 tahun ketika Nabi Muhammad SAW diangkat sebagai Nabi dan Rasul sehingga beliau wafat. Hal itu terjadi di Makkah selama 12 tahun 5 bulan 13 hari. Begitu juga di Madinah turun dalam tempoh masa 9 tahun 9 bulan 9 hari. Peringkat ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِيُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

Maksudnya: "Dan orang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu." (Surah al-Furqan: 32)

وَقَرَأْنَا لَهُ آيَاتِهِ بِنُزُولِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ۗ

Maksudnya: "Dan Al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacanya kepada manusia dengan lambat tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur." (Surah al-Israa: 106)

## Apakah perbezaan Lailatul al-Qadr dengan Nuzul al-Quran?

Lailatul al-Qadr mempunyai hubungan dengan Nuzul al-Quran kerana al-Quran di turunkan dalam bulan Ramadan. Menurut Ibnu Hajar al-Asqalani bahawa kemungkinan Lailatul al-Qadr berlaku pada malam al-Quran diturunkan sekaligus di langit dunia. Kemudian al-Quran mula di turunkan ke bumi secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun Lailatul al-Qadr masih berlaku di setiap bulan Ramadan, manakala Nuzul al-Quran sudah tidak berlaku lagi.

## Mengapakah al-Quran menjadi dilema kepada umat Islam?

Dewasa ini sebahagian umat Islam sukar mengenali 30 huruf Hijaiyah yang terdiri daripada pelbagai bentuk dan sebutan. Keadaan ini menyebabkan majoriti umat Islam belum mampu untuk membaca al-Quran dengan baik.

Selain itu kecintaan membaca al-Quran dalam kalangan umat Islam semakin menurun. Perkara ini didapati daripada sikap umat Islam yang banyak menghabiskan masa dengan gajet elektronik berbanding membaca al-Quran.

Hal yang demikian mengakibatkan umat Islam tidak dapat memahami dan beramal dengan al-Quran secara komprehensif. Keadaan ini juga mengundang perpecahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Justeru bersempena dengan memperingati Nuzul al-Quran, umat Islam di seru untuk menghayati al-Quran dengan mendalam agar mendapat petunjuk Allah SWT dan mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW.

